

BULETIN

PERPUSTAKAAN UNISEL



Projek Naik Taraf Ruang Perpustakaan

- muka 2

Biblioterapi : Kuasa Menyembuh

- muka 4

Pembuka Bicara

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Pada permulaan tahun 2021, Perpustakaan UNISEL masih lagi beroperasi secara norma baharu disebabkan oleh pandemik Covid-19. Tetapi perkhidmatan kepada pengguna masih lagi diteruskan sebagai usaha untuk membantu dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

Atas keperihatinan Presiden dan Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Mohammad Redzuan bin Othman, beberapa perancangan naik taraf Perpustakaan UNISEL dalam tempoh terdekat iaitu dengan mewujudkan bilik seminar,

learning commons dan *mini theater* demi untuk memakmurkan kegiatan-kegiatan ilmiah. Diharap seluruh warga UNISEL dapat memberi sokongan penuh di atas inisiatif dari Perpustakaan UNISEL.

Salam hormat,

ZAIRIL AZWAN OSMAN
Editor
zairil@unisel.edu.my

Sidang Pengarang

PENASIHAT

Hafiz Abdul Rahim

EDITOR & PEREKA GRAFIK

Zairil Azwan Osman

PENULIS & JURUFOTO

Pustakawan

Perpustakaan UNISEL

PENGEDARAN

Norliza Abd Hamid

Isi Kandungan

Projek Naik Taraf Ruang Perpustakaan	1
Biblioterapi: Kuasa Menyembuh	3
Program Literasi Maklumat	6
Album Pelawat & Lawatan	7
Ulasan buku	13

Buletin Perpustakaan UNISEL ini bertujuan menyampaikan informasi berkaitan perkhidmatan, kemudahan dan aktiviti di Perpustakaan UNISEL. Hantarkan komen anda bagi meningkatkan mutu penerbitan buletin ini melalui saluran komunikasi berikut:

Editor Buletin Perpustakaan UNISEL

Perpustakaan UNISEL, Kampus Shah Alam
Jalan Zirkon A7/A, Seksyen 7,
40000 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.

Tel: 03-55223596

Emel: zairil@unisel.edu.my



PROJEK NAIK TARAF RUANG PERPUSTAKAAN


Dalam dunia global hari ini, pendidikan adalah penting dan merupakan akar tamadun sebuah negara. Pendidikan kini telah menjadi satu keperluan asas yang perlu dimiliki oleh semua orang dalam berdepan dengan cabaran kehidupan. Untuk mendapatkan pendidikan, terdapat banyak cara yang boleh kita capai. Antaranya melalui perpustakaan kerana di perpustakaan terdapat pelbagai sumber maklumat dan manfaat lain yang boleh kita perolehi.

Perpustakaan UNISEL, merupakan sebuah perpustakaan di Universiti Selangor (UNISEL) yang menyediakan pelbagai kemudahan dan perkhidmatan bagi memenuhi keperluan pelanggan dalam kegiatan pembelajaran, pengajaran, penyelidikan dan perundingan di UNISEL. Perpustakaan UNISEL terdapat dua cawangan iaitu di kampus utama di Bestari Jaya dan kampus satelit di Shah Alam.


Perpustakaan UNISEL di Kampus Bestari Jaya merupakan antara perpustakaan universiti

swasta yang terbesar di Malaysia. Oleh yang demikian, pihak Perpustakaan UNISEL ingin memperkasakan perkhidmatan dan kemudahan untuk pengguna adalah dengan menggunakan ruang perpustakaan yang luas dengan sebaik-baiknya melalui sokongan dan keprihatinan Yang Berbahagia Presiden dan Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Mohammad Redzuan bin Othman.

Projek naik taraf ruangan perpustakaan ini dilakukan di cawangan Kampus Bestari Jaya sahaja dahulu. Antara naik taraf ruang yang dilakukan adalah dengan mewujudkan **2 BILIK SEMINAR** yang dilengkapi dengan kemudahan dan peralatan yang serba moden dan canggih. Bilik seminar ini terletak di ruangan membaca (berdekatan dengan surau lelaki) di tingkat 2, Perpustakaan UNISEL. Fungsi utama bilik seminar ini adalah sebagai venue untuk program seminar, persidangan dan pembentangan VIVA.



2nd. Floor Plan



1st. Floor Plan

Selain itu, ruangan **LEARNING COMMONS** juga diwujudkan yang terletak di tingkat 1, Perpustakaan UNISEL (bilik cyberway 3). Idea ini tercetus apabila negara kita dilanda pandemik Covid-19 dan pada masa ini keseluruhan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dilakukan di atas talian. Fungsi ruangan ini adalah untuk memberi kemudahan kepada pelajar untuk mengikuti pembelajaran secara atas talian. Ini adalah kerana ruangan ini dilengkapi dengan set komputer, kamera video, pembesar suara dan fon kepala. Ruangan lain yang diwujudkan adalah **MINI THEATER** yang terletak di tingkat

1, Perpustakaan UNISEL. Bilik ini juga dilengkapi dengan peralatan audio visual yang lengkap dan canggih. Fungsi ruangan ini adalah sebagai tempat untuk mengadakan persidangan sama ada secara bersemuka atau atas talian serta sebagai tempat untuk pembentangan VIVA.

Semoga dengan ruangan-ruangan baru di perpustakaan dapat dimanfaatkan oleh pengguna sama ada pelajar ataupun staf UNISEL sendiri. Diharapkan ruangan ini dapat memakmurkan Perpustakaan UNISEL dengan pelbagai aktiviti atau program ilmiah.



BIBLIOTERAPI: KUASA MENYEMBUH

Biblioterapi merupakan terapi yang melibatkan pembacaan teks khusus dengan tujuan untuk mengubati. Ia menggunakan hubungan individu dengan kandungan buku dan puisi serta bahan bertulis yang lain sebagai terapi. Biblioterapi kebiasaannya digabungkan dengan terapi menulis. Ia terbukti berkesan dalam merawat kemurungan dan hasilnya terbukti lebih tahan lama.

Bagi kebanyakan sumber, biblioterapi ialah menggunakan buku untuk membantu seseorang menyelesaikan isu yang dihadapinya dalam satu-satu masa. Ia melibatkan pemilihan bahan bacaan yang bersesuaian dengan situasi kehidupan pembaca. Biblioterapi juga diterangkan sebagai "sebuah proses interaksi yang dinamik di antara personaliti pembaca dan interaksi-kesusasteraan yang boleh digunakan untuk penilaian, penyesuaian, dan pertumbuhan peribadi. Biblioterapi untuk

golongan dewasa ialah satu bentuk rawatan memperbaiki diri di mana buku tersebut menunjukkan cara untuk meredakan ketegangan. Konsep rawatan ialah ini berdasarkan kepada kecenderungan manusia untuk mengenal pasti orang lain melalui ekspresi mereka dalam bentuk kesusasteraan dan seni.

Berdasarkan kepada maklumbalas daripada pengamal perubatan, biblioterapi digunakan secara meluas dalam dunia perubatan kesihatan mental khususnya yang berkaitan dengan masalah remaja dan kanak-kanak. Sebagai contoh, kajian mendapati biblioterapi ini dapat membantu ketika berdepan dengan masalah perceraian, kehilangan ahli keluarga atau peralihan suasana. Biblioterapi juga membantu anak angkat untuk menyesuaikan diri dalam keluarga atau suasana baharu (Nelson, 1993).

Selain itu, biblioterapi juga dapat membantu ketika berdepan dengan isu berkaitan masalah kesihatan mental ibu bapa (Kuivila,1991), serta membantu kanak-kanak dalam mengekspresi emosi ketika berdepan dengan keluarga yang mempunyai masalah ketagihan alkohol (Storm, 1990). Secara amnya, biblioterapi adalah terapi bagi meluahkan kebenaran dan empati diri, serta memulihkan kemahiran sosial dan berkomunikasi. Malah ia mampu merawat emosi sendiri dan orang lain serta menurunkan rasa kebimbangan kronik secara berterusan (anxiety disorder), dan menggalakkan perubahan serta kekuatan diri.

Peranan Pustakawan dan Perpustakaan

Pustakawan boleh memainkan peranan sebagai fasilitator di dalam pemilihan bahan bacaan yang positif, mempunyai penceritaan yang bagus serta yang dapat memberikan motivasi kepada pembaca. Pemilihan bahan bacaan bergantung kepada tujuan dan tahap intervensi yang diinginkan. Dalam konteks kurangnya tahap budaya membaca di Malaysia, biblioterapi belum diperkenalkan secara meluas dalam kalangan pustakawan di Malaysia. Namun demikian, bagi sebahagian penggemar buku (bibliophile), membaca merupakan salah satu cara untuk merawat masalah jiwa dan hati, stres dan mengisi masa. Selain itu, penyediaan sudut untuk mempamerkan bahan bacaan yang menyokong biblioterapi juga amatlah digalakkan sepertimana yang telah dimulakan dan dipraktis di Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM, cawangan Puncak Perdana. Dengan adanya ruang atau sudut khas ini, pembaca boleh mendapat akses yang cepat kepada bahan bacaan yang berkaitan dengan masalah yang sedang dihadapi.

Untuk mendapatkan panduan dan khidmat nasihat, pustakawan boleh menghubungi Persatuan Biblioterapi Malaysia (PERBIMA) yang kini sedang giat menjalankan kursus, latihan serta memberikan pendedahan berkenaan biblioterapi kepada semua pustakawan di seluruh Malaysia. PERBIMA ditubuhkan bertujuan untuk mempromosikan perpustakaan sebagai pusat yang menyediakan bahan-bahan untuk biblioterapi dan membantu perpustakaan menjadi platform yang menyediakan persekitaran yang kondusif dan mampu untuk mencadangkan bahan-bahan bacaan yang bersesuaian. Selain itu, ahli-ahli PERBIMA akan didedahkan dengan teknik pemilihan bahan serta peluang untuk mempelajari teknik “layan diri”, “bacaan berpandu” dan juga terapi lain yang berkaitan. Maklumat lanjut berkenaan PERBIMA boleh didapati di facebook Persatuan Biblioterapi Malaysia.

Membaca dapat merawat hati dan jiwa

Biblioterapi memberikan manfaat dalam membantu pembaca yang berdepan dengan masalah emosi dan jiwa. Justeru itu, biblioterapi mampu menjadi satu platform untuk membantu pembaca lebih memahami bahawa mereka mampu merawat minda dan jiwa mereka tanpa mengguna sebarang bantuan ubat-ubatan. Ia tidak melibatkan kos tinggi dan mampu mengawal diri dari mencari jalan keluar yang merugikan diri sendiri. Tambahan lagi, ia juga dapat membugarkan budaya dan minat membaca dalam kalangan masyarakat. Membaca boleh menukar perasaan yang suram dan kelam kepada ceria dan bahagia. Membaca juga mengubah cara kita memandang sesuatu, menukar perspektif dan menganjak paradigma.






Justeru melalui membaca juga akan memberikan kesan ke arah pembentukan modal insan yang bermaklumat dan mulia. Sesuatu yang dahulu kita nilai sebagai masalah, mungkin kini bukan lagi perkara besar dengan asbab membaca. Akhir kalam, sesungguhnya Allah menyentuh dan mempengaruhi setiap diri Muslim, tanpa membezakan antara jantina.

Semuanya sama sahaja. Al-Quran telah berjaya mengubah masyarakat keseluruhannya termasuklah lelaki dan wanita. Hasilnya, Al-Quran berjaya mengubah seluruh kehidupan daripada kegelapan yang meresahkan kepada cahaya Islam yang mendamaikan. Al-Quran juga adalah kitab yang terbaik sebagai terapi merawat jiwa dan hati.

Rujukan


- Asrizal Aris. (2018, April 24). 4.2 juta kemurungan. *Harian Metro*, Retrieved from <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2017/04/223900/42-juta-kemurungan>.
- Beatty, William K. (1962). A historical review of bibliotherapy. *Library Trends* 11 (2), 106-117. Retrieved from https://www.ideals.illinois.edu/bitstream/handle/2142/6050/librarytrendsv11i2c_opt.pdf?sequence=1&isAllowed=y
- Crothers, S. McChord. (1916, August). A literary clinic. *Atlantic Monthly*, no.118, 291-201. Retrieved from <http://www.unz.com/print/AtlanticMonthly-1916sep-00291>
- Dovey, Ceridwen. (2015, June). Can reading make you happier?. *The New Yorker*. Retrived from <https://www.newyorker.com/culture/cultural-comment/can-reading-make-you-happier>
- Heath, M. A., Sheen, D., Leavy, D., Young, E. L., & Money, K. (2005). Bibliotherapy : A resource to facilitate emotional healing and growth. *School Psychology International*, 26, 563-580. Retrieved from <https://www.researchgate.net/publication/258189177>
- Husna Hassan. (2019, April). Penawar nadir bagi murung. *Solusi*, no.125,18-20.

Antara bahan bacaan yang sesuai sebagai terapi yang terdapat di Perpustakaan UNISEL



PROGRAM LITERASI MAKLUMAT

- JANUARI - FEBRUARI 2021 -



Modul: APA Citation Style


Masa: 05 Januari 2021

Medium: Big Blue Button

Pemohon: Zahrul Azwan ABSL Kamarul Adzhar

Peserta: Pelajar IAS3232 & IAS3162

Pustakawan: Nur Adna Binti Roduan



Modul: APA Citation Style




Masa: 15 Januari 2021

Medium: Big Blue Button

Pemohon: Mohd Bakri bin Abu Bakar

Peserta: Pelajar CES2223

Pustakawan: Nur Adna Binti Roduan



Album Pelawat & Lawatan

PERPUSTAKAAN UNISEL

Januari - Februari 2021



06 Januari 2021 | Satu perbincangan di antara pihak Perpustakaan UNISEL dan wakil Emerald telah diadakan yang bertujuan untuk memperkasakan penggunaan pangkalan data atas talian (aktiviti dan promosi)



08 Januari 2020 | Kunjungan hormat ke Pusat Islam UNISEL yang bertujuan untuk merapatkan silaturrahim serta membincangkan jalinan kerjasama antara pihak Perpustakaan dan Pusat Islam UNISEL.



11 Januari 2021 | Kunjungan hormat ke Fakulti Komunikasi, Seni Visual & Pengkomputeran (FCVAC), UNISEL yang bertujuan untuk merapatkan silaturrahim serta membincangkan jalinan kerjasama antara pihak Perpustakaan dan FCVAC.

Album Pelawat & Lawatan

PERPUSTAKAAN UNISEL

Januari - Februari 2021



11 Januari 2021 | Pihak Perpustakaan UNISEL telah menerima lawatan dari Pengarah Centre of Excellence (COE), Dr. Mohd Nor Bin Nawawi untuk melawat ruangan untuk projek Bilik Seminar di tingkat 2, Perpustakaan UNISEL Kampus Bestari Jaya.

12 Januari 2021 | Pihak Perpustakaan UNISEL telah menerima sumbangan buku daripada Dr. Zuraimy B. Zainudin, bekas pensyarah UNISEL melalui wakilnya.



Album Pelawat & Lawatan

PERPUSTAKAAN UNISEL

Januari - Februari 2021



21 Januari 2021 | Lawatan Yang Berbahagia Presiden dan Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Mohammad Redzuan bin Othman ke Perpustakaan UNISEL Kampus Bestari Jaya bagi meninjau projek-projek naik taraf ruang perpustakaan.

Album Pelawat & Lawatan

PERPUSTAKAAN UNISEL

Januari - Februari 2021



26 Januari 2021 | Lawatan tapak ke Perpustakaan UNISEL, Kampus Bestari Jaya oleh:-

- ✓ Pihak CICT bersama pembekal untuk projek *Mini Theater* di tingkat 1 dan bilik Learning Commons di Cyberway 3.
- ✓ Pihak Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan untuk projek Bilik Seminar di tingkat 2 serta keperluan dan baik pulih kerosakan di *Mini Theater*, Bilik *Learning Commons* dan ruang santai di tingkat 1.



02 Februari 2021 | Pihak Perpustakaan UNISEL telah menerima sumbangan buku daripada Tuan Haji Mohd Azrin Bin Abd Rahim, Pensyarah Fakulti Perniagaan & Perakaunan/Ketua Unit Zakat, UNISEL.

Album Pelawat & Lawatan

PERPUSTAKAAN UNISEL

Januari - Februari 2021



25 Februari 2021 | 'Lawatan' secara virtual ke Perpustakaan UNISEL, Kampus Bestari Jaya oleh panel MQA untuk akreditasi program Bachelor of Arts (Hons) Creative Photography Technology.

Album Pelawat & Lawatan


PERPUSTAKAAN UNISEL

Januari - Februari 2021



26 Februari 2021 | Penyerahan pokok kunyit kepada wakil Pusat Sukan, Budaya & Penghijauan sempena Projek Penanaman Tumbuhan Kulineri UNISEL 2020.

Ulasan Buku



Business Law

ISBN: 9789834505035


Penulis: Lee Mei Pheng & Ivan Jeron Detta

Tahun terbitan: 2009

No. panggilan: KPG856 L57 2009

Lokasi: Tingkat 1, Perpustakaan UNISEL, Kampus Shah Alam

Buku Business Law yang ditulis oleh Lee Mei Peng dan Ivan Jeron Detta ini merupakan buku yang menjadi pilihan peminjam di perpustakaan. Buku ini berada di kedudukan kesembilan dalam senarai 10 teratas yang menjadi pilihan pengguna. Isi kandungannya menekankan prinsip undang-undang yang mempengaruhi dan membentuk perniagaan dan industri di Malaysia. Penulis yang mempunyai pengalaman yang luas telah mengupas isinya dengan ringkas dan mudah di fahami oleh pelajar. Terdapat tujuh buah koleksi buku ini dirak perpustakaan. Jom dapatkan sekarang.



Economic Theory in the Malaysian Context

ISBN: 9789814272643 (pbk.), 9789814296380 (hbk.)


Penulis: Nur Huda Abdul Wahab

Tahun terbitan: 2010

No. panggilan: HC445 5 E29 2010

Lokasi: Tingkat 1, Perpustakaan UNISEL, Kampus Shah Alam

Buku "Economic Theory in the Malaysian Context" ini membincangkan topik- topik penting berkenaan teori ekonomi dengan memberi tumpuan terhadap analisis berkaitan dengan permintaan dan penawaran serta menjelaskan permasalahan isu-isu ekonomi dalam konteks Malaysia. Buku ini mengupas operasi asas ekonomi Malaysia dalam 27 topik yang merangkumi prinsip teras ekonomi mikro, ekonomi makro dan ekonomi antarabangsa. Buku setebal 543 mukasurat ini seringkali menjadi tumpuan pengguna di perpustakaan. Penulis Berjaya menyampaikan topik yang dibincangkan dengan penulisan yang mudah difahami berserta ilustrasi yang menarik. Perpustakaan UNISEL mempunyai 7 buah naskah yang boleh dipinjam oleh pengguna dalam tempoh 21 hari. Jadi jangan buang masa, jom dapatkan buku ini sekarang di rak perpustakaan atau boleh hubungi pegawai kami untuk maklumat lanjut.



Malaysian Industrial Relations & Employment Law

ISBN: 9789670761183

Penulis: Maimunah Aminuddin


Tahun terbitan: 2016

No. panggilan: KPG1220.M35 2016

Lokasi: Tingkat 1, Perpustakaan UNISEL, Kampus Shah Alam

Penulis telah mengupas isi kandungan dalam buku ini dengan jelas dan mudah difahami tentang pelbagai isu berkaitan komponen dalam sistem industri di Malaysia termasuk peranan pemerintah, kesatuan sekerja, dan majikan. Buku ini juga merupakan salah satu teks penting yang perlu ada bagi keperluan pelajar yang terlibat dengan subjek hubungan industri, sumber manusia dan kesatuan sekerja. Di perpustakaan terdapat lebih dari satu edisi berkaitan tajuk buku ini dan setiap satu terdapat lebih dari satu naskah yang boleh dipinjam oleh pengguna.

Ulasan Buku



International Business The Challenges of Globalization

SEVENTH EDITION
John J. Wild • Kenneth L. Wild

ALWAYS LEARNING PEARSON

International business: The challenges globalization

ISBN: 9780273786979


Penulis: Wild, John J & Wild, Kenneth L

Tahun terbitan: 2014

No panggilan : HD62 4 W55 2014

Lokasi: Tingkat 1, Perpustakaan UNISEL, Shah Alam campus

"This book resulted from extensive market surveys, chapter reviews, and correspondence with scores of instructors and students. The reception of this textbook in the United States and across the world has exceeded all expectations. This book presents international business in comprehensive yet concise framework. Real world examples and engaging features bring the concepts of international business to life and make international business accessible for all student. A main goal in this seventh edition is to continue to deliver the most readable, current, and concise international textbook available. Terminology is used consistently, and theories are explained in direct and concise terms. This book's visual style is innovative yet subtle and uses photos, illustrations, and features sparingly. The result is an easy-to-read and clutter-free design".



Essential Haematology

ISBN: 9781405198905

Penulis: A. V. Hoffbrand


Edisi: ke-6

Tahun terbitan: 2011

No. panggilan: RC633 H64 2011

Lokasi: 1st Floor, Perpustakaan UNISEL, Shah Alam

"Essential Haematology is established as the most authoritative introduction to haematology. Beautifully presented, it introduces the formation and function of blood cells and diseases that arise from dysfunction and disruption of these processes. Basic Science, diagnostic tests, clinical features and management are all clearly explained."



Fundamentals of Investing

ISBN: 9781292000275

Penulis: Scott Smart, Lawrence Gitman & Michael Joehnk

Edisi: ke-12

Tahun terbitan: 2014

No. panggilan: HG4521 S64

2014Lokasi: 1st Floor, Perpustakaan UNISEL, Shah Alam

Fundamental of Investing designed to help students understand the risks inherent in investing and to give them the tools they to answer the fundamental questions that help shape a sound investment strategy. This book explained how to develop, implement and monitor investment goals after considering the risk.

BULETIN

PERPUSTAKAAN UNISEL

Soalan Lazim Akses ke Perpustakaan Digital UNISEL



Bagaimana untuk saya akses ke Perpustakaan Digital UNISEL?

Perpustakaan Digital UNISEL boleh diakses melalui

<http://library.unisel.edu.my>

Apakah sumber atas talian yang boleh diakses?

- **E-resources:** Emerald & Academic Onefile
- **Free access platform:** Jurnal (e-Journals), buku (eBooks), Tesis, Kamus & Thesaurus
- **eDocument:** Soalan peperiksaan akhir lepas & Projek akhir tahun (FYP), tesis serta disertasi Master dan PhD.

unisel library  unisel library  unisel.library

Soalan Lazim Program Literasi Maklumat Perpustakaan



Adakah Perpustakaan menawarkan Program Literasi Maklumat Perpustakaan (ILP) secara atas talian?

Ya! Semua ILP (Introduction to Library, Citing Using APA Citation, Hands-on On Online Databases, Mendeley, Google Scholar, etc.) dijalankan

SECARA ATAS TALIAN. Untuk

maklumat lanjut, layari

<http://library.unisel.edu.my/web/guest/user-education-programmes>

unisel library  unisel library  unisel.library